# Actellic®

syngenta

PEKATAN TEREMULSI (EC) RACUN SERANGGA / INSECTICIDE / 殺蟲劑

**UNTUK DIKENDALIKAN OLEH ORANG YANG TERLATIH SAHAJA**

| | |
|---|---|
| **Perawis Aktif : pirimiphos-methyl**.................................................. | **49.0% w/w** |
| **Perawis Lengai:** .................................................................................. | **51.0% w/w** |

***No. Pendaftaran : LRMP. R1/7586*** *Tarikh Mengilang :*


*Didaftarkan oleh :*
***Syngenta Corporation Sdn Bhd** (110811-T)*
*MR1-02-02, Sri Acappella Commercial Annex,*
*No. 1, Jalan Lompat Tinggi 13/33, Seksyen 13,*
*40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.*
*Tel.: 03-5510 9878 Talian Kecemasan: 1-800-806-294*
*E-mel: crm.support@syngenta.com*


**BACA LABEL SEBELUM GUNA**
Jika berlaku **KERACUNAN**, sila hubungi:
**PUSAT RACUN NEGARA - 1-800-88-8099 (waktu pejabat)**
**- 012-4309499 (lepas waktu pejabat)**

*Kandungan Bersih :* 1 liter

**BERACUN**
**JAUHKAN DARIPADA MAKANAN DAN KANAK-KANAK**

**KELAS II**

**Actellic®** ialah racun serangga daripada kumpulan organophosphate yang bertindak secara sentuhan dan keracunan perut.

**ATURAN PENGGUNAAN:**
**Penggunaan tidak mengikut label adalah satu kesalahan.**

| TEMPAT / KEADAAN | SERANGGA PEROSAK | KADAR RACUN | | ISI PADU SEMBURAN / m² | CARA PENGGUNAAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 10 Liter Air | 100 m² | | |
| A) Barangan Simpanan: Padi, Jagung dan Kacang | Bubuk *(Sitophilus oryzae)* | 160 ml | 80 ml | 50 ml | **Pembersihan Stor :** Sembur pada dinding, lantai dan bumbung stor. |
| | Kumbang Tepung *(Tribolium castaneum)* | 50 ml | 50 ml | 100 ml | **Bijian dalam beg :** Sembur ke atas beg bijian. |
| | Ulat Tepung *(Oryzaephilus surinamensis)* | - | - | - | **Semburan kabus :** Gunakan 100-200 ml **Actellic®** dalam 1 liter minyak diesel / tanah. |
| B) Kesihatan Awam (Rawatan Residual) | Nyamuk *(Anopheles maculatus, Anopheles letifer, Anopheles sundaicus, Anopheles campestris, Anopheles balabacensis, Anopheles flavirostris, Culex quinquefasciatus, Aedes albopictus, Aedes aegypti)* Lalat *(Musca domestica)* | 250 ml | 200 ml | 80 ml | **Kawasan luar rumah :** Sembur sehingga basah. |
| | | 500 ml | 400 ml | | **Kawasan dalam rumah :** Sembur pada dinding. |

**Buka di sini untuk keterangan lanjut**


**BERACUN**
**JAUHKAN DARIPADA MAKANAN DAN KANAK-KANAK**

**KELAS II**


**POISONOUS**
**KEEP AWAY FROM FOODSTUFF AND CHILDREN**

| TEMPAT / KEADAAN | SERANGGA PEROSAK | CARA PENGGUNAAN (Semburan Kabus) | KADAR RACUN | | ISI PADU SEMBURAN SEHEKTAR |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | 1 Liter diesel / kerosene | Kadar Bancuhan | |
| C) Kawasan Awam, Kawasan Domestik | Nyamuk (*Anopheles maculatus, Anopheles letifer, Anopheles sundaicus, Anopheles campestris, Anopheles balabacensis, Anopheles flavirostris, Culex quinquefasciatus, Aedes albopictus, Aedes aegypti*) Lalat (*Musca domestica*) | **Luar Bangunan** - ULV | 400 ml | 1 : 2.5 | 0.5 Liter |
| | | | 200 ml | 1 : 5 | 1.0 Liter |
| | | - Thermal Fogging | 100 ml | 1 : 10 | 2.0 Liter |
| | | | 40 ml | 1 : 25 | 5.0 Liter |
| | | **Dalam Bangunan** - ULV | 200 ml | 1 : 5 | 10-20 ml semburan / rumah |
| | | - Thermal Fogging | 40 ml | 1 : 25 | 100-200 ml semburan / rumah |

**Tempoh Menunggu:** Satu bulan untuk padi dan 4 bulan untuk beras, biji jagung dan kacang yang dikupas kulit.

**Panduan Membancuh:** Disyor menggunakan alat penyembur galas bernozel 'Flat fan' dan 'Thermal fogging' (untuk semburan kabus). Isikan tangki setengah penuh dengan air bersih. Campurkan Actellic® secukupnya mengikut syor yang ditetapkan dalam jadual sukatan dan bancuh. Seterusnya tambah baki air bersih yang diperlukan dan kacau. Jangan guna pada kadar lebih tinggi dari yang disyorkan. Jangan simpan baki bancuhan Actellic® di dalam tangki alat penyembur.

**Panduan Menyembur:** Sembur ke atas permukaan di mana serangga sering berkeliaran, serta ke dalam rekahan/ lubang/ tempat pembiakan atau persembunyian. Permukaan yang disembur akan memberikan kawalan sisa baki. Membasuh/ mengelap permukaan tersebut selepas menyembur akan menjejaskan kesan sisa baki. Jangan sembur pada/ berhampiran dengan makanan/ tempat penyediaan makanan termasuk makanan ternakan. Jika rawatan perlu diulangi, gunakan Actellic® berselang-seli dengan racun serangga daripada kumpulan berlainan yang mempunyai cara tindakan yang berbeza.

**AWAS:**

a) Bahaya Kepada Manusia:
Berbahaya jika terminum. Elakkan daripada terhidu wasap atau kabus semburan. Elakkan daripada terkena pada kulit atau mata. Ketika mengendalikan produk ini **JANGAN** makan, minum atau merokok. Selepas mengendalikan produk ini, pastikan tutup bekas racun dengan rapat dan simpan di tempat berkunci yang mempunyai peredaran udara yang baik, kering dan dingin. Cuci alat penyembur sebersih-bersihnya selepas menggunakannya. Pastikan mandi sebersih-bersihnya menggunakan sabun dan air yang banyak.

Pakaian dan Alat Perlindungan:
Ketika mengendalikan produk ini, pastikan pakai pakaian pelindung diri (PPE) berpiawaian termasuk sarung tangan, gogal, penutup muka dan alat pernafasan (respirator).

b) Bahaya Pada Alam Sekitar:
Produk ini adalah berbahaya pada organisma akuatik, ikan dan lebah. **JANGAN** cemarkan kolam, sungai atau saliran air dan **JANGAN** sembur semasa lebah aktif mencari makanan.

**TANDA KERACUNAN:** Sakit kepala, pening kepala, rasa lemah-lemah, mual, anak mata menjadi kecil, pandangan kabur, otot menyentak, sawan, kejang otot, beser ludah, berpeluh, cirit-birit, muntah dan sesak nafas.

**RAWATAN KECEMASAN:** Tanggalkan pakaian yang terkena racun. Jika terkena pada kulit, basuh dengan menggunakan sabun dan air. Jika terkena pada mata, bersihkan dengan menggunakan air bersih yang banyak selama sekurang-kurangnya 15 minit. Jika tertelan, **JANGAN** ikhtiarkan pesakit itu muntah. Dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

**RAWATAN PERUBATAN:** Perawis aktif bagi keluaran ini adalah penghalang kolinesterase. Suntikkan Atropina sulfat (2-4 mg) secara intravena atau intraotot dan ulang tiap-tiap 30 minit sehingga pesakit itu pulih sepenuhnya. Kemudian suntikkan pralidoksim (1 g) secara intravena, jika perlu.

**MEDICAL TREATMENT:** The active ingredient in this product is a cholinesterase inhibitor. Inject Atropine sulphate (2-4 mg) intravenously or intramuscularly. Repeat every 30 minutes until the patient is fully atropinised. Then administer pralidoxime (1 g) intravenously, if necessary.

**BILAS BEKAS KOSONG TIGA (3) KALI SEBELUM MELUPUSKANNYA. JANGAN GUNAKAN BEKAS RACUN UNTUK MENYIMPAN MAKANAN.**

Product names marked ® or ™, the ALLIANCE FRAME the SYNGENTA Logo and the PURPOSE ICON are Trademarks of a Syngenta Group Company

Ed. Oct. 2013 MY5101300 MASI/07P

**有毒品**
勿貯藏在靠近食品
或兒童所接觸的地方

**KELAS II**

**நஞ்சு**
உணவுகள் மற்றும் குழந்தைகளுக்கு
அருகில் வைக்காதீர்

**BERACUN**
JAUHKAN DARIPADA MAKANAN
DAN KANAK-KANAK

**KELAS II**

**POISONOUS**
KEEP AWAY FROM FOODSTUFF
AND CHILDREN